

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
TASEK GELUGOR]**

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah tanah-tanah wakaf yang masih belum dibangunkan setakat tahun 2017 dan apakah cadangan pembangunan yang dirangka Kerajaan keatas tanah wakaf yang terbiar.

JAWAPAN:(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yangdi-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi semua tanah wakaf di negeri masing-masing adalah bertanggung jawab untuk memastikan hartanah wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

Berhubung pembangunan keatas tanah wakaf, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), menyalurkan

peruntukan bajet pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) bagi membangunkan pelbagai projek hartanah wakaf dengan kerjasama MAIN. Oleh yang demikian, JAWHAR senantiasa menyokong projek pembangunan yang akan dibangunkan oleh MAIN sama ada berbentuk ekonomi atau sosial seperti projek keagamaan, pendidikan, kesihatan, pertanian, perumahan serta perniagaan dan perkhidmatan.

Pada masa yang sama juga, JAWHAR bersama-sama MAIN berusaha mencari pendanaan alternatif terutama dalam pasaran kewangan Islam dengan mengadakan kerjasama strategik melalui kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan *Government Linked Companies (GLC)*, syarikat-syarikat swasta dan institusi kewangan bagi membolehkan pembangunan tanah wakaf yang berprestasi dan berimpak tinggi. Misalnya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkerjasama Tabung Haji dan Bank Islam menerusi Projek Komersial Menara Imarah Al-Waqf Ahmad Dawjee Dadabhoy di Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur. Begitu juga Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) bersama UDA Bhd dan Bank Islam serta Bank Al Rajhi menerusi projek rumah kediaman wakaf Seetee Aisah. Manakala Majlis Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan kerjasama dengan Syarikat Nada Sepakat Corporation (M) Sdn. Bhd. menerusi projek unit kediaman di Jalan Kebun, Shah Alam.

Sekian, terimakasih.

SOALAN (13)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]

SOALAN :-

YB DATUK KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan statistik bilangan rumah setinggan negara ini mengikut pecahan negeri dari tahun 2011 hingga kini, serta keberkesanan Program Setinggan Sifar yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Setinggalan Sifar dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan pelbagai sasaran, semenjak tahun 2005. Di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan salah satu program untuk menempatkan semula setinggalan ke kawasan perumahan yang lebih teratur dan selesa.

Berdasarkan laporan sehingga tahun 2016, pengurangan jumlah setinggalan yang ketara dicatatkan di beberapa negeri seperti Perak (86.96%), Melaka (78.13%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (60.6%), Johor (40.67%).

**STATISTIK BILANGAN SETINGGAN MENGIKUT NEGERI
TAHUN 2009, 2010 DAN 2016**

BIL	NEGERI	BIL. KETUA ISTIRUMAH (KIR)			PERATUS (%)
		2009	2010	2016	PENURUNAN 2016-2009
1	JOHOR	12,123	10,982	6,453	46.77%
2	KEDAH	3,633	3,608	2,702	25.63%
3	KELANTAN	1,654	1,439	1,685	-1.87%
4	KUALA LUMPUR	8,176	3,461	3,217	60.65%
5	LABUAN	969	970	970	-0.10%
6	MELAKA	32	29	7	78.13%
7	NEGERI SEMBILAN	284	346	195	31.34%
8	PAHANG	1,141	1,133	1,134	0.61%
9	PERAK	13,109	8,496	1,709	86.96%
10	PERLIS	2,221	2,207	1,853	16.57%
11	PULAU PINANG	4,486	4,382	4,208	6.20%
12	SABAH	37,965	37,965	28,087	26.02%
13	SARAWAK	8,563	8,817	8,431	1.54%
14	SELANGOR	3,964	3,926	2,542	35.87%
15	TERENGGANU	702	682	469	33.19%
JUMLAH KIR		99,022	88,443	63,662	35.71%

Secara keseluruhannya, Program Sifar Setinggal yang dilaksanakan telah menunjukkan keberkesanannya dengan pengurangan ketara bilangan setinggal di beberapa negeri. Kerajaan juga akan terus berusaha untuk menyediakan perumahan yang selesa bagi menempatkan semula setinggal termasuklah golongan berpendapatan rendah ke kediaman yang lebih selesa dan sejahtera.